

**MESYUARAT KETUA-KETUA UNIT  
KONTRAK & UKUR BAHAN  
JKR MALAYSIA BIL. 1/2016**

**PEMBENTANGAN PERKEMBANGAN SEMASA**

# **SURAT ARAHAN KPKR**

# Surat Arahan KPKR Bil. 16/2015

**PENUBUHAN *CONTRACT COORDINATION PANEL*  
(CCP) BAGI MENGURUSKAN ISU-ISU PERTIKAIAN  
KONTRAK BAGI PEROLEHAN KERJA, PERUNDING,  
BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**



## Latar Belakang

- Sejajar dengan surat daripada Kementerian Kewangan bil. S/K.KEW/PK/MOF/D/29 JLD. 3 SK. 7 (5) bertarikh 29.5.2015, satu Jawatankuasa iaitu *Contract Coordination Panel* (CCP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan
- CCP berperanan khusus untuk menguruskan isu-isu pertikaian dan pentadbiran kontrak di bawah seliaan kesemua Kementerian termasuklah kontrak-kontrak yang di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya.
- Isu-Isu Pertikaian dan Pentadbiran Kontrak bagi Perolehan Kerja, Perunding, Bekalan dan Perkhidmatan hendaklah diuruskan oleh CCP.

## Ruang Lingkup CCP

- Tujuan penubuhan CCP ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara yang mendapati bahawa terdapat kelemahan yang ketara di peringkat Kementerian/Jabatan dalam pentadbiran kontrak masing-masing.
- Memandangkan pemantauan dan pentadbiran kontrak Kerajaan sewajarnya diuruskan sendiri oleh Kementerian/Jabatan masing-masing berdasarkan kepada syarat-syarat kontrak, maka CCP ditubuhkan untuk memutuskan perkara-perkara berikut:
  - a) Pertikaian dalam kontrak
  - b) Tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan
  - c) Aduan bayaran lewat
- Sebarang rayuan ke atas keputusan CCP hendaklah seterusnya dibawa ke mana-mana proses perundangan selaras dengan peruntukan kontrak dan bukannya ke Kementerian Kewangan.

## Permohonan Kementerian Kewangan

- Permohonan yang boleh dibawa ke Kementerian Kewangan untuk pertimbangan adalah yang melibatkan isu-isu berikut :
  - a) Rayuan berkaitan dengan pengecualian/pengurangan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD);
  - b) *Ex-gratia*;
  - c) *Quantum Meruit*;
  - d) *Abortive Fee* Perunding bagi yang tiada Surat Setuju Terima
- Namun demikian sebelum permohonan bagi perkara-perkara tersebut di atas diangkat ke Kementerian Kewangan untuk pertimbangan, rujukan perlulah dibuat kepada CCP terlebih dahulu untuk memperakukan permohonan yang berkenaan kepada Kementerian Kewangan.

# JAWATANKUASA CCP JKR

BIDANG KUASA	KEANGGOTAAN	URUSETIA
<p>Memutuskan perkara-perkara bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pertikaian Dalam Kontrak</li> <li>b) Rayuan/Pertikaian Keputusan JK Tuntutan bagi Tuntutan Kerugian dan Perbelanjaan Tambahan</li> <li>c) Aduan Bayaran Lewat</li> </ul>	<p>1. Ketua Pengarah Kerja Raya (Pengerusi)</p> <p>2. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya</p> <p>3. Penasihat Undang-Undang KKR</p> <p>4. Pengarah Kanan CKUB</p> <p>5. Pengarah Kanan Cawangan</p> <p>6. Ketua Akauntan JKR</p> <p><u>Ahli Jemputan</u> (sekiranya perlu)</p> <p>1. Wakil Pemilik Projek/Pelanggan</p> <p>2. Kontraktor/Perunding/ Pembekal/Syarikat</p> <p><u>Korum</u></p> <p>3 orang termasuk Pengerusi. Kehadiran Penasihat Undang- Undang adalah diwajibkan.</p>	<p><b>Pembentang</b> Pegawai Pengguna/ Pengarah Projek/ Wakil P.P./Wakil Kerajaan</p> <p><b>Urusetia</b> Juruukur Bahan J54 Bahagian Dasar dan Kontrak, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan.</p>

# JAWATANKUASA TUNTUTAN JKR

BIDANG KUASA	KEANGGOTAAN	URUSETIA
Mempertimbangkan Dan Meluluskan Tuntutan Kontrak Sebagaimana Yang Dibenarkan Dalam Syarat-Syarat Kontrak.	<p>1. Ketua Pengarah Kerja Raya (<b>Pengerusi</b>)</p> <p>2. Timbalan Penasihat Undang-Undang KKR.</p> <p>3. Pengarah Cawangan CKUB</p> <p>4. Pengarah Cawangan jika tidak menjadi P.P./Pengarah Projek</p> <p>Atau</p> <p>Pengarah Cawangan lain sekiranya Pengarah Kanan Cawangan berkenaan menjadi P.P./Pengarah Projek</p>	<p><b><u>Pembentang</u></b> Pegawai Penguasa/Pengarah Projek/Wakil P.P.</p> <p><b><u>Urusetia</u></b> Juruukur Bahan J48/J52 Bahagian Dasar dan Kontrak, CKUB.</p>

# **Surat Arahan KPKR Bil. 21/2015**

## **GARIS PANDUAN PEJABAT TAPAK PIAWAI UNTUK PROJEK-PROJEK JKR**



## Tujuan

- Memaklumkan penggunaan garis panduan dalam penyediaan kemudahan pejabat tapak bagi pelaksanaan projek-projek JKR khususnya penggunaannya di tapak pembinaan.

## Objektif

- Menyediakan norma keluasan dan keperluan asas bagi pejabat tapak untuk projek-projek JKR berdasarkan kategori mengikut kos projek.
- Mengambil kira konsep fleksibiliti agar ianya bersesuaian dengan keperluan projek. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor juga berpeluang untuk mengemukakan cadangan reka bentuk alternatif yang sebanding dengan cadangan JKR.

## Pemakaian

- Garis panduan ini boleh digunakan sebagai rujukan dalam penyediaan pejabat tapak JKR bagi projek bangunan dan jalan serta kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan jalan untuk memastikan keperluan ruang dan kualiti pejabat tapak yang disediakan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

# **Surat Arahan KPKR Bil. 22/2015**

## **BORANG-BORANG CABUTAN BUTIR-BUTIR (‘DETAILED ABSTRACT’)**



Disediakan oleh  
Bahagian Dasar dan Kontrak



## Tujuan

- Mengumumkan penggunaan borang-borang Cabutan Butir-butir ('Detailed Abstract') bagi kerja Bangunan serta kerja Jalan dan Jambatan yang telah dikemas kini.

## Latar Belakang

- Borang-borang Cabutan Butir-butir yang digunakan sebelum ini adalah berdasarkan borang-borang 'detailed abstract' yang dikeluarkan melalui Surat Pekeliling KPKR Bil. 1/1993 bertarikh 17 Februari 1993.

## Arahan Penggunaan

- Semua Cabutan Butir-butir hendaklah disediakan berasaskan nota-nota yang mengiringi borang-borang cabutan butir-butir dan garis panduan berikut:
  - a) *Guidelines For The Preparation and Submission of Detailed Abstract For Building Works*
  - b) Garis Panduan Menyedia dan Mengemukakan Borang-borang Cabutan Butir-butir bagi Kerja Jalan dan Jambatan.
- Meskipun demikian, butiran yang terdapat dalam borang-borang cabutan butir-butir boleh diubah suai mengikut keperluan projek.

# **Surat Arahan KPKR Bil. 23/2015**

**PINDAAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK  
P.W.D. FORM 203/203A (Rev. 1/2010) DAN P.W.D.  
FORM DB (Rev.1/2010) – ADDENDUM NO.2**



## Tujuan

- Meminda dan menggantikan beberapa fasal kepada syarat-syarat kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010) dan PWD Form DB (Rev.1/2010) supaya selaras dengan peruntukan Pelaksanaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014 serta mengambil kira perkembangan dan peraturan terkini yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

## Latar Belakang

1. Selaras dengan hasrat Akta GST 2014, pindaan kepada syarat-syarat kontrak sedia ada berkaitan dengan bayaran pendahuluan kepada kontraktor perlu dilaksanakan.
2. Menjelaskan penentuan nilai wang pendahuluan yang layak dimohon oleh kontraktor.
3. Kaedah pengiraan untuk menentukan nilai wang pendahuluan yang layak dimohon oleh kontraktor boleh dirujuk kepada Surat Arahan KPKR Bil. 19/2015 Pindaan Kepada Surat Arahan KPKR Bil.10/2015 – Garis Panduan Pelaksanaan Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) 2014 Bagi Perolehan Kerja Kerajaan.

## Tatacara Pelaksanaan

Rujukan telah dibuat kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian Kerja Raya. Tambahan/pindaan yang telah dibuat ke atas beberapa fasal adalah seperti berikut:

1. Fasal tambahan 1.1(ea) kepada PWD Form 203/203A(Rev.1/2010) & Fasal tambahan 1.1 (fa) kepada PWD Form DB (Rev. 1/2010) – Definitions And Interpretation

---
- **Fasal tambahan ini memberi takrifan Tender Price**
2. Fasal 69.1 kepada PWD Form 203/203A(Rev.1/2010) & Fasal 57.1 kepada PWD Form DB (Rev. 1/2010) – Advance Payment

---
- **Pindaan ini menjelaskan penentuan nilai wang pendahuluan dengan mengambil kira kenaan GST.**

## **KAJIAN YANG SEDANG DIJALANKAN**

## **1. Garis Panduan Sebut Harga Bagi Kerja**

**Merupakan penambahbaikan kepada Garis Panduan Sebut Harga sedia ada.**

**Draf akhir Garis Panduan telah dibentangkan di mesyuarat JPP pada 13/1/2016.**

## **2. Terjemahan Borang Syarat-Syarat Kontrak JKR (Semakan 2010)**

**CKUB sedang melaksanakan terjemahan Borang Syarat-Syarat Kontrak Semakan 2010 untuk JKR 203, JKR 203A, JKR 203N, JKR 203P dan JKR Reka dan Bina**

**Sebutharga akan dipanggil 2016.**

- 3. i. Pelantikan Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (P.P.) dan Wakil P.P.**
  - ii. Pegawai Yang Diberi Kuasa Untuk Bertindak Bagi Pihak Kerajaan**

**Meminda Surat Arahan KPKR, lanjutan dari penstruktur semula JKR.**

**Telah dibentang di mesyuarat JPP dan MKU pada 13/8/2015. Terdapat sedikit pindaan dan telah dibentangkan semula pada mesyuarat JPP pada 13/1/2016.**

## **4. Lukisan Siap Bina**

**Kajian bagi mengatasi Lukisan Siap Bina tidak dibekalkan/ Tidak lengkap apabila projek siap/akaun telah ditutup.**

**Perbincangan telah diadakan bersama Cawangan-Cawangan yang berkenaan. Cadangan perlu dibawa ke Mesyuarat JPP.**

## 5. Pengurusan Fasiliti sebagai Kontrak Kerja

Cadangan Mengklasifikasi Pengurusan Fasiliti sebagai Kontrak Kerja Dalam Arahan Perbendaharaan.

Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bersama JKR Cawangan, JKR Negeri dan LPIPM bagi mengkaji dan meneliti beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Kementerian Kewangan.

## **6. FAQ Pentadbiran Kontrak 2014**

**Merupakan perkongsian ilmu.  
Mengandungi 8 topik untuk dimasukkan  
dalam laman web CKUB.**

**2 topik telah disiapkan dan telah  
dimasukkan dalam laman web CKUB iaitu:**

- i. Bon Pelaksanaan dan Insurans**
- ii. Bayaran dalam kontrak dan Penutupan  
Akaun.**

**Topik lain akan disiapkan pada tahun 2016.**

## 7. Panduan Ringkas

Merupakan perkongsian ilmu dan salah satu inisiatif CKUB di bawah Enterprise Risk Management bagi membantu kakitangan JKR yang terlibat dalam pelaksanaan projek, mengurus dengan lebih baik dan berkesan.

Cadangan Panduan Ringkas :

a. Perubahan Kerja Bagi Reka dan Bina

- Telah disiapkan dan boleh dimuat turun di laman web CKUB

b. Tuntutan – Loss & Expense

- Dalam tindakan

c. Subkontraktor Yang Dinamakan.

- Dalam tindakan

## **8. Garis Panduan Penilaian Tender**

**Merupakan semakan semula garis panduan penilaian tender bagi panduan penilaian tender kecil.**

**Draf Garis Panduan dalam peringkat penyediaan.**

## **9. Jawatankuasa Kelulusan Barang Import/ Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak**

Permohonan penurunan kuasa oleh KSU KKR kepada KPKR telah dibuat pada 30/6/2015. Beberapa susulan telah dibuat. Sehingga kini belum ada apa-apa maklumbalas dari pejabat KSU.

